



NEGERI JOHOR

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF JOHORE GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 46
No. 12

6hb Jun 2002

TAMBAHAN
No. 1

KANUN TANAH NEGARA

No. 1058.

(Seksyen 128)

NOTIS SUPAYA MEMULIHKAN LANGGARAN SYARAT

Kepada Liu Yong Yu dan Tan Ju Seng yang beralamat di Lc. 39, Parit Raja, Batu Pahat, Johor tuan punya tanah yang dijadualkan di bawah ini.

Bahawasanya saya yang bertandatangan di bawah ini adalah puas hati bahawa suatu langgaran syarat yang dijadualkan di bawah ini telah timbul iaitu:

Mendirikan sebuah bangunan kekal sebagai tempat ibadat (Tokong/Rumah Rehat di atas tanah syarat Pertanian – Getah).

Maka, oleh yang demikian, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 128, Kanun Tanah Negara, saya dengan ini menghendaki tuan-tuan, dalam tempoh tiga bulan dari tarikh notis ini, supaya mengambil tindakan yang berikut untuk memulihkan syarat yang dilanggar itu:

Tuan-tuan dikehendaki memulihkan syarat tanah tersebut dan sekiranya tuan gagal berbuat demikian tuan akan diambil tindakan.

JADUAL TANAH DAN SYARAT

Daerah—Batu Pahat. Bandar/Pekan/Mukim—Simpang Kanan. No. Lot—5054. Jenis dan No. Hakmilik—GM 391. Luas—4.005 ekar. Syarat yang dilanggar—Pertanian (Getah).

Bertarikh pada 28hb Mei 2002.
[(17) PTD.BP (KEM) 82/2000.]

Pentadbir Tanah,
Batu Pahat

No. 1059.

(Seksyen 263)

PERINTAH-PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Nasri bin Md. Ali, Pentadbir Tanah, setelah menjalankan siasatan atas permohonan pemegang gadaian dalam gadaian yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan sedemikian dan setelah puas hati bahawa tidak ada apa-apa sebab yang bertentangan;

Dengan ini, pada menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 263, Kanun Tanah Negara, perintah supaya dijual tanah/bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah/pajakan/pajakan kecil yang tersebut itu;

Dan selanjutnya saya perintah—

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jalan lelong awam yang akan diadakan pada 19hb Jun 2002 jam 11.00 pagi; dan
 - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan itu ialah RM765,000.00.
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian itu pada tarikh ini ialah RM2,819,243.79 setakat 11hb April 2002.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Daerah—Muar. Bandar/Pekan/Mukim—Grisek. No. Lot—2371 dan 2370. Jenis dan No. Hakmilik—EMR 1752 (Sekarang dikenali GM 7382) dan GM 993. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Pajakan/Pajakan Kecil (jika ada)—Tiada. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 3763/99, Jilid 258, Folio 65.

Bertarikh pada 24hb Mei 2002.
[PTDM (LEL) 80/2001.]

NASRI BIN MD. ALI,
b.p. Pentadbir Tanah,
Muar

No. 1060.

Saya, Nasri bin Md. Ali, Pentadbir Tanah, setelah menjalankan siasatan atas permohonan pemegang gadaian dalam gadaian yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan sedemikian dan setelah puas hati bahawa tidak ada apa-apa sebab yang bertentangan;

Dengan ini, pada menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 263, Kanun Tanah Negara, perintah supaya dijual tanah/bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah/pajakan/pajakan kecil yang tersebut itu;

Dan selanjutnya saya perintah—

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jalan lelong awam yang akan diadakan pada 19hb Jun 2002 jam 10.30 pagi; dan
 - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan itu ialah RM200,000.00.
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian itu pada tarikh ini ialah RM6,526,373.27 setakat 30hb April 2002.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Daerah—Muar. Bandar/Pekan/Mukim—Serom. No. Lot/Petak/P.T.—PTD 8879. Jenis dan No. Hakmilik—HS(M) 2221. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Pajakan/Pajakan Kecil (jika ada)—Tiada. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 4102/99, Jilid 259, Folio 49.

Bertarikh pada 24hb Mei 2002.
[PTDM (LEL) 101/2001.]

NASRI BIN MD. ALI,
b.p. Pentadbir Tanah,
Muar

NATIONAL LAND CODE

No. 1061. (Section 257 and 263)

ORDER FOR SALE AT INSTANCE OF THE CHARGEES

I, Norliyati bte Md. Nor, Registrar of the High Court/Land Administrator in exercise of the powers conferred by section 257/263 of the National Land Code, hereby order the sale of the land/undivided share in the land/lease/sub-lease described in the Schedule below;

And I further order:

(a) that the sale shall be by public auction, to be held on the 25th day of July 2002 di hadapan Pejabat Pentadbir Tanah, Bangunan Sultan Iskandar, Kota Tinggi at 10.00 a.m.;

(b) that the reserve price for the purpose of the sale shall be RM171,000.00 (Ringgit Satu Ratus Tujuh Puluh Satu Ribu Sahaja).

2. I find that the amount due to the chargee/chargees at this date is RM75,173.10
Name of chargee Bank Pertanian Malaysia.

3. The sale shall be subject to the following conditions:

(a) the bidder possesses, the sum equivalent to ten per centum of the reserve price specified under paragraph 1 (b) above: RM17,100.00 (Ringgit Tujuh Belas Ribu Satu Ratus Sahaja).

(b) the full amount of the purchase price may be paid immediately after the fall of the hammer by the successful bidder to the chargee;

(c) where the full amount of the purchase price is not paid after the fall of the hammer by the successful bidder:

(i) then the sum specified in paragraph (a) shall be paid to the chargee and it shall be retained as a deposit until the full purchase price has been paid; and

(ii) pending the settlement of the balance of the purchase price, the sum specified in sub-paragraph (i) shall be credited into the account of the chargor for the purpose of reducing the amount due to the chargee;

(d) the balance of the purchase price shall be settled within a date not later than one hundred and twenty days (120 days) from the date of the sale, that is, not later than the 21st day of November 2002 and there shall be no extension of the period so specified; and

(e) where the full purchase price is not settled on or by the date specified in paragraph (c), the sum paid as deposit under paragraph (b) to the chargee shall be forfeited and disposed off in the manner specified under section 267.

WARTA KERAJAAN NEGERI JOHOR

924

[6hb Jun 2002]

SCHEME

Daerah—Kota Tinggi. Bandar/Pekan/Mukim—Ulu Sg. Johor. No. Lot—1191. Jenis dan No. Hakmilik—HS(M) 988. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Pajakan/Pajakan Kecil (jika ada)—Tiada. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 688/96, Jilid 44, Folio 17 bertarikh 31hb Oktober 1996.

Dated this 13th day of May 2002.

[PTDKT 13/02/2002.]

NORLIYATI BTE MD. NOR,

Pentadbir Tanah,

Kota Tinggi

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).**



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN JOHOR BAHRU
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA